

TARIKH	14 / 12 / 2016	SEKSYEN	GLOBAL
MUKA SURAT	51	RUANGAN	

Makkah: Kerajaan Arab Saudi menimbang untuk mengeluarkan visa dengan bayaran SR500 (RM590) bagi jemaah yang bercadang mengerjakan ibadah berkenaan dan menetap selama lima hari sahaja di tanah suci.

Menteri Haji dan Umrah, Mohammed Saleh Bantan dipetik sebagai berkata demikian oleh sebuah akhbar Arab Saudi, semalam.

"Ini adalah antara banyak pilihan dalam pertimbangan kementerian," katanya yang dipetik oleh akhbar Al-Madinah.

Kerajaan Arab Saudi sejak Oktober lalu menguatkuasakan struktur baru bayaran visa untuk umat Islam yang mahu mengerjakan umrah dan haji.

Bagi mereka yang mengerjakan ibadah itu buat kali pertama, tiada bayaran dikenakan sementara mere-

Saudi timbang visa RM590 untuk umrah 5 hari


“Ini adalah antara banyak pilihan dalam pertimbangan kementerian”

Mohammed Saleh Bantan

ka yang melakukannya untuk kali kedua dan seterusnya akan dikenakan bayaran SR2,000 (RM2,358).

Mohammed Saleh berkata demikian ketika berucap di majlis penutup festival Hara Makkawiya.

Khabar angin tersebar baru-baru ini yang mendakwa kerajaan Arab Saudi kononnya membatalkan struktur baru visa itu. - Agensi



GAMBAR di Masjidilharam kelmarin. - Brunel Islam